

Kepentingan infak khusus

Oleh NIDZAMUDDIN ZAKARIA

IHYA' RAMADAN

nusia itu memiliki 360 batang tulang (pergelangannya). Tiap satunya hendaklah engkau tunaikan haknya dengan bersedekah". Para sahabat r.a bertanya; Sekiranya kami tidak memiliki harta? Maka jawab Nabi; "Serulah kepada kebaikan dan cegahlah kemungkaran!". Sahabat bertanya lagi; Kalau tidak berupaya? Jawab Nabi; "Buanglah sesuatu yang mengganggu di jalanan!". Mereka berkata lagi; "Kalau tidak mampu juga? Sambut Nabi; "Cegahlah kejahatan seseorang itu daripada memudaratkan orang lain". (Riwayat Imam al-Bazzar).

Daripada hadis ini, dapat difahami bahawa Nabi s.a.w menyarankan kita dengan dua bentuk sumbangan, tanda syukur kita kepada Allah s.w.t. Pertama: Sumbangan harta benda. Kedua: Sumbangan daya upaya kita.

Dalam pada itu, Nabi s.a.w mengeji sifat bakhil dengan tegasan baginda; Dua sifat yang tidak terdapat pada peribadi mukmin iaitu; bakhil dan buruk akhlak. (Riwayat al-Bukhari).

Salman al-Farisi pernah berkata; "Apabila mati dermawan, maka berkatalah bumi dan malaikat penjaganya; "Ya Tuhanku! Ampunkan dosa-dosanya lantaran sifat dermawannya. Namun, ketika si kedekut mati pula, ia berkata; Ya Tuhanku! Hijabkan dirinya dari syurga sebagaimana dia menghibahkan dirinya (bakhil) daripada memberi rezekiMu kepada manusia". (Lihat: *Minhaj al-Qasidin* karangan al-Maqdisi).

Infak Khusus Adakalanya Lebih Utama Daripada Ibadat Haji Kedua

Infak khusus dan secara serta-merta terutama kepada golongan yang ditimpa ujian seperti saudara seagama kita di Sumatera, Indonesia, Palestin dan negara-negara Islam lain, sebenarnya lebih perlu diutamakan.

Cendekiawan Islam seperti Dr. Yusuf al-Qaradawi berpandangan, sumbangan secara khusus ini lebih utama daripada menunaikan haji untuk kali kedua, ketiga bahkan haji kali ketujuh,

lapan mahu pun ke-10. Ini kerana kalau dihitung secara kasar bagi operasi ibadat haji yang memerlukan kos lebih kurang RM12,000.

Maka cuba kita bayangkan pula sekiranya wang sejumlah itu diberi kepada saudara-saudara kita yang ditimpa mala petaka. Bukan sekadar 10 atau 20 keluarga, bahkan beratut atau beribu keluarga dapat ditanggung dengan jumlah wang sebegitu banyak. Itu baru seorang. Kalau 100 orang bertindak sedemikian, tentulah kebaikan itu akan dapat dikongsi lebih ramai lagi.

Jadi, fikirkanlah secara adil. Yang mana lebih utama, ibadat haji (kali kedua) yang merupakan tuntutan individu yang hanya sunat hukumnya atau sumbangan bakti yang mampu menyelamatkan berpuluh-puluh malah beratus-ratus insan yang kurang bernasib baik yang lebih wajib?!

Justeru, minda sesetengah umat Islam yang mementingkan ibadat umrah atau haji berkali-kali rasanya perlu diperhati secara saksama dalam menangani kemelut umat Islam dan melayani kehendak mereka yang lebih bersifat majoriti, berbanding dengan tuntutan ibadat yang bersifat individu atau *fardi*.

Bentuk Sumbangan Diperlukan

Bentuk sumbangan ini perlulah dilihat keadaan mangsa atau orang yang hendak kita sumbangkan. Sesetengah mangsa gempa bumi, banjir atau sebarang bencana alam, mereka amat berhajat kepada makanan, minuman dan pakaian dengan kadar segera lebih daripada wang.

Ada pula seperti pelarian di Palestin atau umat Islam yang miskin di Kemboja dan sebagainya memerlukan wang lebih daripada barang-barang.

Justeru, pihak yang berdaftar (sah dari segi undang-undang) akan melihat keperluan ini untuk disalurkan kepada wakil-wakil umat Islam di tempat atau negara kejadian.

Sensitiviti dan Keprihatinan Terhadap Saudara Seagama

Sensitif atau ambil tahu tentang kesedihan orang lain sebenarnya terbit da-

ripada hati seseorang yang bersalut iman yang luhur dan benak yang dihiasi takwa kepada Allah Yang Esa. Anas bin Malik r.a meriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w; "Tidak (sempurna) iman seseorang daripada kalangan kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri". (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Justeru, badan-badan berwajib, yaysan-yaysan kebajikan, masjid, surau dan sebagainya wajar menggembleng tenaga dan bertindak sebagai wahana menggerakkan usaha infak khusus yang murni ini di kalangan masyarakat Islam di negara kita.

Ia agar kita tidak sekadar menjadi pemerhati dan 'pengulas terhormat' kepada mana-mana kemelut yang menimpa umat Islam, bahkan kitalah peserta yang mengambil bahagian dengan menghulurkan bantuan dan sumbangan.

Infak dan Bulan Ramadan

Bulan Ramadan sebenarnya pentas yang secukupnya untuk kita merancang sumbangan bakti dan derma di samping bulan-bulan selainnya.

Abu Hurairah r.a merakamkan sepotong hadis yang bermaksud; "Sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah s.w.t setelah amalan fardu ialah menyebabkan kegembiraan bertakhta di hati saudaranya sama ada dia menghibahkan kesedihannya atau melunaskan tanggungan hutangnya dan menghilangkan kelaparannya". (Riwayat al-Baihaqi dan dinyatakan oleh Syeikh Nasiruddin al-Albani sebagai hadis hasan).

Justeru, nasib saudara-saudara kita seperti mangsa gempa bumi di Sumatera, pelarian di Palestin, umat Islam di Kemboja dan sebagainya perlu diperhatikan dan diberikan keutamaan. Jangan kita hanya diulit keenakan dan kelazatan juadah terbuka saban malam di bulan Ramadan, dari hotel ke hotel yang mewah, sedangkan saudara seagama kita diselimuti perit kelaparan dan sendu tangisan.

● NIDZAMUDDIN ZAKARIA ialah Timbalan Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

SIAPA yang tidak sayang harta? Tambahan pula harta yang diusahakan hasil titik peluh orang itu sendiri. Mana boleh diberikan orang lain dengan senewang-wenang? Zahirnya, orang yang mencari duit atau harta, maka dialah pemilik mutlak harta itu!

Namun, pada kaca mata Islam, manusia hakikatnya adalah khalifah Allah yang diamanahkan mentadbir bumi ini sekali gus menguruskan khazanah dan harta yang terkandung padanya. Harta dan kekayaan itu hakikatnya milik dan pemberian Allah kepada kita.

Begitulah juga dengan kekuatan dan kesihatan fizikal kita, maka ia merupakan kurniaan Allah yang tidak terhitung nikmat dan manfaatnya. Bertitik tolak daripada asas inilah, maka kita dituntut berkongsi kegembiraan dan kesedihan secara bersama, sekali gus merungkaikan sifat keakuan di hati kita dengan memberi sumbangan atau infak kepada saudara-saudara kita yang diselubungi musibah mahu pun derita.

Kategori Infak

Asasnya, infak atau pemberian itu bolehlah dikategorikan kepada dua iaitu infak umum dan infak khusus.

Infak umum itu meliputi sedekah kepada seluruh umat Islam tanpa dikhususkan sasaran, tahap dan sebab pemberiannya.

Namun infak khusus pula adalah pemberian kepada sekumpulan masyarakat tertentu yang mempunyai kes tersendiri dan dihipit oleh faktor-faktor musibah atau kemalangan yang sangat berhajat kepada sumbangan segera daripada golongan berkemampuan. Contohnya, pelarian negara Palestin, mangsa tsunami, mangsa banjir, mangsa gempa bumi di Sumatera, Indonesia dan sebagainya.

Infak khusus ini juga termasuk pemberian nafkahnya kepada keluarga dan kaum kerabatnya secara khusus (yang memerlukan) sebagaimana diperintahkan syariat Islam.

Gesaan Menyumbang Harta dan Upaya

Abi Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Ma-